

AKHBAR : BERITA HARIAN


MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

Bekalan vaksin tiba Ahad ini

Malaysia akan menerima bekalan pertama membabitkan 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech, pada Ahad ini. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama petugas barisan hadapan akan menjadi yang pertama menerima suntikan vaksin itu di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dijadualkan berlangsung dari 26 Februari ini sehingga Februari tahun depan.

Muka 4, 5, 6, 7



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

312,390 dos vaksin Pfizer tiba Ahad

Perdana Menteri individu pertama terima suntikan

Oleh Rohaniza Idris, Ahniah Suhail Adnan, Lucman Afif Abdul Karim, Faris Fuad dan Nor Haidya Syafira Amir
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sejumlah 312,390 dos vaksin Pfizer fasa pertama dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Ahad ini, dengan Perdana Menteri akan menjadi individu pertama menerima suntikan itu.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau akan menerima vaksin itu melalui fasa pertama pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula 26 Februari depan.

Turut menerima vaksin melalui fasa pertama adalah barisan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), memandangkan tugas ahli politik yang banyak bertemu dengan rakyat.

"Fasa pertama akan membabitkan saya sendiri bersama petugas barisan hadapan bermula hari berikutan (26 Februari) sehingga April.

"Saya sendiri akan menerima suntikan vaksin pada hari berikutan bersama-sama petugas barisan hadapan," katanya ketika bertempak melancarkan buku panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara maya di sini, semalam.

Beliau berkata, buku panduan

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN Kumpulan sasaran bagi fasa pemberian vaksin dan anggaran individu yang akan divaksinasi			
FAZA 1 (Februari - April 2021) Kumpulan utama 1 Petugas barisan hadapan yang merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta 500,000 Individu	FAZA 2 (April - Ogos 2021) Kumpulan utama 1 Baki keiktangan pejabat kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan 94 JUTA Individu	FAZA 3 (Mei 2021 - Februari 2022) Kumpulan utama Penduduk berusia 18 tahun ke atas (wargenegara dan bukan wargenegara) Keadaan diberikan kepada Zon Merah, Zon Kuning dan kemudiannya Zon Hijau 132 JUTA Individu	
KAEDAH PELAKSANAAN VAKSINASI Langkah pertama bagi pelaksanaan vaksin adalah dengan mengumpul maklumat mengenai individu yang layak divaksinasi. Namun begitu, beberapa kumpulan masyarakat memerlukan pertimbangan lanjut mengenai pelaksanaan ini.			
Proses Vaksinasi Proses pelaksanaan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan merangkumi proses dari enrolment kumpulan sasaran mengikut keutamaan bagi setiap fasa, pendaftaran, pengesahan dan pelaksanaan kesan vaksinasi.	Pendaftaran dan temujanji vaksinasi Pemberian vaksin COVID-19 adalah sukarela tetapi sangat dipanggilkan bagi semua kumpulan sasaran. Pembentukan linutulis kelompok dapat dicapai.	Pendaftaran bagi mendapatkan vaksin akan dilaksanakan menerusi kaedah berikut: Aplikasi MySejahtera Telefon hotline (akan dimuktamadkan) Program bantuan (outreach) bagi kawasan luar bandar dan pedalaman Laman sesawang www.vaksin19.gov.my Pendaftaran di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta	
Maklumat temu janji seperti tarikh dan tempat vaksinasi akan dimuktamadkan menerusi aplikasi MySejahtera, panggilan telefon atau SMS			

itu diterbitkan untuk meherangkan lebih lanjut dasar program imunisasi, bagi tujuan rujukan kepada bukan saja pembuat dasar dan pelaksana, tetapi juga masyarakat.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut melancarkan laman web www.vaksin19.gov.my

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Ja-

maluddin, serta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Mengulas lanjut, katanya seperti diumumkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan berlangsung melalui tiga fasa, dengan fasa kedua dilaksanakan April hingga Ogos depan membabitkan kumpulan berisiko tinggi.

"Fasa ketiga pula akan meliputi golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas bermula Mei depan sehingga Februari 2022."

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, seluruh sektor ekonomi termasuk pelancongan yang terjejas teruk sebelum ini serta aktiviti sosial akan dibuka sepenuhnya sebagai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berjaya dilaksanakan.

"Kita boleh saling menzahirkan, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengamalkan norma baharu. Inilah yang saya maksudkan apabila saya katakan, vaksin COVID-19 akan membawa harapan kita yang paling utopia untuk menang dalam perang melawan COVID-19," katanya.

"Pastinya, satu lembaran baharu bakal terbuka dengan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan hujung bulan ini. Oleh itu, janganlah kita ambil mudah perkara ini. Apabila tiba masanya, jangan berlelah mengadap bagi mendapatkan vaksin," katanya.

Muhyiddin menegaskan program imunisasi menyeluruh peringkat tertinggi memastikan komuniti dapat dibentuk dalam komuniti bagi memutuskan rantai penularan jangkitan COVID-19 dan akhirnya menamatkan pandemik.

Individu tak sesuai tidak disuntik

Putrajaya: Saringan sejarah kesihatan dan alahan akan dilakukan ke atas setiap individu sebelum ditentukan kelayakan mereka sebagai penerima vaksin COVID-19.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, prosedur itu penting untuk memastikan individu yang tidak sesuai menerima vaksin tidak diberikan suntikan itu.

Beliau berkata, vaksin COVID-19 seperti vaksin lain mempunyai kesan sampingan yang ringan, seperti sakit atau bengkak di tempat suntikan, keletihan, sakit kepala, sakit otot, sakit sendi, mengigil dan demam.

Walaupun kesan sampingan sepius seperti anafilaksis, ia

minya jarang sekali berlaku. Sekiranya ada kesan sampingan serius seperti anafilaksis, rawatan segera akan diberikan.

Pemantauan berterusan akan dibuat bagi menilai kesan kesihatan dan keselamatan vaksin sepanjang program imunisasi COVID-19 dijalankan.

"Tindakan penambahbaikan akan dibuat berdasarkan kepada hasil pemantauan dan penilaian program secara berterusan," katanya selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara maya di sini, semalam.

Beliau berkata, rawatan akan dibuat selama 15 hingga 30 minit selepas menerima suntikan vaksin. Sekiranya boleh dibenarkan pulang,

VID-19 dan akhirnya menamatkan pandemik.

"Vaksinasi penting untuk kita lindungi bukan saja diri sendiri, tetapi juga yang tersayang iaitu ahli keluarga, rakan kerja, jiran sekeliling dan seluruh komuniti."

Inilah juga maksud slogan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang saya perkenalkan secara rasmi iaitu Lindungi Diri, Dindungi Semua," katanya.

Mengulas pemberian vaksin untuk ahli politik Perdana Menteri berkata kerajaan bersetuju Ahli Parlimen dan ADUN tidak kira di pihak mana sekalipun, akan diberikan vaksin melalui fasa per-

tama untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan dan selamat.

Beliau berkata, pemberian itu juga dipersetujui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), memandangkan Ahli Parlimen dan ADUN biasanya berdamping rapat dengan masyarakat di akar umbi.

Pada Januari lalu, Muhyiddin berkata, 27 juta atau lebih 80 peratus penduduk negara ini akan menerima vaksin secara percuma, dengan proses pengagihan berjalan sehingga suku pertama 2022.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

605 pusat suntikan dikenal pasti

Bekalan ditempatkan di 54 lokasi Pusat Simpanan Vaksin seluruh negara

Kuala Lumpur: Proses pelaluan COVID-19 akan dilaksanakan di 605 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang dikenal pasti oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Selain itu, PPV sementara seperti di stadium, pusat konvensyen, dewan orang ramai, universiti dan kemudahan bersesuaian akan dibuka mengikut keperluan.

Berdasarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, bekalan pelaluan akan ditempatkan di 54 lokasi Pusat Simpanan Vaksin (PSV) di seluruh negara yang dilengkapi kemudahan bersesuaian bagi menjamin kualitinya sebelum diberikan kepada penerima.

Penghantaran dan penyimpanan vaksin turut membabitkan operasi bersepadu pelbagai agensi kerajaan merangkumi KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pihak berkuasa keselamatan lain.

KKM berjaya melakukan percubaan penuh aspek pelaksanaan di Klinik Kesihatan Belaga iaitu kawasan pedalaman di Sarawak dan Hospital Bintulu, pada 29 hingga 30 Januari lalu sebagai langkah persiapan rapi sebelum proses imunisasi.

Platform bersepadu merangkumi Sistem Maklumat Farmasi, Sistem Pengurusan Vaksin (VMS), MySejahtera dan 'dashboard' Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan digunakan untuk memastikan pelaksanaan yang cekap, tepat serta memantau pemantauan dalam masa sebenar, menurut dokumen disediakan Jawatan Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JK-JAV) yang diterbitkan, semalam.

Sementara itu, kerajaan akan menyediakan Talian Khas Program Imunisasi COVID-19 yang akan menjawab sebarang persoalan berkaitan program berkenaan.

Talian itu antara strategi advokasi dan khidmat sokongan bagi membantu masyarakat mengetahui serta memahami perincian serta maklumat program itu.

Maklumat Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan boleh diperolehi di laman sesawang rasmi <http://vaksincovid.gov.my> dan akaun media sosial bagi memastikan maklumat serta perkembangan terkini program ini mudah diakses.

Selain menguar-tuar maklumat menerusi talian khas, laman sesawang dan media sosial, usaha advokasi Program Imunisasi CO-

Lokasi Pemberian Vaksin

Vaksinasi akan dijalankan di 605 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang telah dikenal pasti oleh KKM. PPV sementara seperti di stadium, pusat konvensyen, dewan orang ramai, universiti serta fasiliti yang bersesuaian juga akan dibuka mengikut keperluan. Lokasi ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Lokasi PSV dan PPV

Petunjuk

- Pusat Simpanan Vaksin (PSV): 54 lokasi
- Pusat Pemberian Vaksin (PPV): 605 lokasi

VID-19 Kebangsaan turut memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi capaian komuniti setempat.

Petugas KKM akan bekerjasama secara bersepadu dengan pasukan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), anggota keselamatan, kementerian serta agensi kerajaan lain, sektor swasta dan sukarelawan bagi melaksanakan program imunisasi itu.

Selain petugas kesihatan KKM, program imunisasi itu turut dibantu petugas kesihatan berserta, pelajar perubatan, pergigian dan pelatih jururawat, selain petugas perubatan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pendaftaran bagi sukarelawan akan dimaklumkan menerusi laman sesawang <http://vaksincovid.gov.my> dan akaun media sosial JKJAV.

Fakta Nombor

312,390

dos vaksin.

kelompok pertama diterbangkan dengan perkhidmatan MASKargo Ahad ini

Pemberian ikut tiga strategi

Kuala Lumpur: Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan melibatkan pemberian vaksin di bandar dan kawasan luar bandar.

Strategi utama adalah kepada petugas kesihatan dan kumpulan perubatan yang memfokuskan kepada kumpulan berisiko tinggi seperti orang tua, pengidap COVID-19 berketurunan, pengidap penyakit kronik dan kesihatan mental.

Strategi kedua adalah mengurangkan beban penyakit kepada kumpulan berisiko tinggi supaya mereka lebih selamat daripada jangkitan COVID-19, sekali gus dapat mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam Malaysia.

Strategi ketiga untuk kawalan wabak, melibatkan vaksin akan diutamakan kepada warga tua dan golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Sebelum ini, vaksin akan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

Salah satu kumpulan berisiko tinggi adalah golongan berisiko tinggi yang tinggal di kawasan-kawasan berisiko tinggi dan diutamakan kepada golongan berisiko tinggi untuk pemantauan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Jawatankuasa khas ditubuh teliti kesan sampingan

Pakar turut nilai isu keselamatan berkaitan vaksin

Kuala Lumpur: Satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyiasat dan meneliti kesan sampingan dalam penerima vaksin COVID-19 di negara ini.

Penubuhan jawatankuasa itu adalah sebahagian daripada langkah pemantauan kesan sampingan atau kesan sampingan su-sulan imunisasi (AEFI), yang digariskan dalam dokumen Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Menurut dokumen yang dibagikan semalam oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), jawatankuasa pakar khas itu akan turut menilai isu keselamatan berkaitan vaksin.

"Pemantauan kesan sampingan dan AEFI akan dijalankan secara *enhanced surveillance* (pemantauan diperketat), yang ma-

na penerima vaksin akan diberi peringatan berjadual melalui aplikasi MySejahtera untuk melaporkan sebarang kesan dalam.

"Pelaporan AEFI juga boleh dibuat oleh petugas kesihatan me-

lalui sistem sedia ada. Penilaian kesan yang serius akan dijalankan dengan teliti dan dinilai Jawatankuasa Khas ini" menurut dokumen itu yang dijanjarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.

Kira-kira 10 kesan sampingan selepas suntikan antara yang kerap dilaporkan dalam penerima vaksin COVID-19, namun kesan sampingan bersifat sementara.

Antara kesan sampingan yang turut dilaporkan adalah sakit bengkak atau kemerahan di tempat suntikan; penat; sakit kepala dan menggigil.


Kesan sampingan lain yang turut dilaporkan adalah sakit sendi, demam, loya, rasa tidak sihat, bengkak kelenjar limfa, serta kesan sampingan yang mungkin dilaporkan dari semasa ke semasa.

Penerima vaksin akan diberi peringatan berjadual melalui aplikasi MySejahtera untuk melaporkan sebarang kesan dalam.

Dokumen Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Vaksin terbabit akan disusun terlebih dahulu dan diedarkan ke pelbagai tempat penyimpanan seluruh negara.

Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



PDRM, ATM kawal ketat vaksin Pfizer

Kuala Lumpur: Vaksin COVID-10 yang dijangka mula diterima bekalkannya pada Ahad ini akan dikawal ketat sebaik ia tiba di Kompleks MAB Kargo Sdn Bhd (MASKargo) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata kawalan akan dilakukan oleh polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mengiringi dan menjaga keselamatannya dari mula hingga akhir.

Kelompok vaksin Pfizer, fasa pertama akan diterbangkan dengan perkhidmatan MASKargo pada Ahad ini dengan membawa 312,890 dos vaksin ke KLIA.

Katanya, vaksin terbabit akan disusun terlebih dahulu dan diedarkan ke pelbagai tempat penyimpanan seluruh negara.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata semua Ketua Polis Negeri sudah diarah untuk membantu Kementerian Kesihatan (KKM) secara

menyeluruh dalam aspek keselamatan vaksin.

"Katanya, polis akan memberi tumpuan kepada sistem pergerakan, pemindahan dan penyimpanan vaksin berkenaan bagi mengelak kejadian tidak diingini.


"Jumlah anggota polis yang dikerahkan bagi menjaga keselamatan vaksin itu bergantung kepada keadaan dan keperluan semasa.

"Dalam hal ini, kita bukan sahaja bekerjasama dengan ATM malah dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) jika diperlukan," katanya pada BH, semalam.

Sementara itu, Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Affendi Buang, berkata pihaknya akan turun padang mengendali beberapa keperluan logistik bagi memastikan proses pemindahan vaksin itu berjalan lancar.

"ATM mengambil bahagian menjaga keselamatan dan mengendalikan keperluan logistik.

"ATM akan memberi komitmen tinggi untuk membantu pasukan penguat kuasa lain," katanya.



Jumlah anggota polis yang dikerahkan bagi menjaga keselamatan vaksin itu bergantung kepada keadaan dan keperluan semasa.

Acryl Sani Abdullah Sani, Timbalan Ketua Polis Negara



ATM akan memberi komitmen tinggi untuk membantu pasukan penguat kuasa lain.

Affendi Buang, Panglima ATM

Bekalan vaksin COVID-19 yang diperolehi Malaysia

Vaksin	Pfizer	AstraZeneca	Sinovac	康希诺生物 CanSinoBio	Sputnik V
Jenis Vaksin	mRNA	Vektor virus	Virus nyahaktif	Vektor virus	Vektor virus
Negara Pengeluar	Amerika Syarikat	United Kingdom	China	China	Russia
Bilangan Dos	2	2	2	1	2
Tahap keberkesanan	95%	62% - 90%	50.4% - 91.25%	65.7%	91.6%
Suhu Penyimpanan	-75°C	2-8°C	2-8°C	2-8°C	-20°C
Jumlah Dos (Juta)	32	12.8	12	3.5	6.4
% Penduduk Dilindungi	50%	20%	18.75%	10.9%	10%
Negara yang telah menggunakan vaksin	Amerika Syarikat, Singapura, UK, Bahrain, Kanada, Mexico, Switzerland, Kesatuan Eropah	UK, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Ukraine, Brazil, Kesatuan Eropah, Kanada, India	China, Indonesia, Turki, Chile, Hong Kong, Brazil, Kemboja	China, Mexico, Pakistan	Rusia, Argentina, Brazil, Korea Selatan, Belarus

Jumlah keseluruhan dos: **66.7 juta** meliputi **109.65%** penduduk

*Bekalan vaksin ini tertakluk kepada rundingan dari semasa ke semasa dan
 *Maklumat ini adalah betul sehingga 16 Februari 2021 dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa

Sumber: JKJAV

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Lebih 68,000 warga emas, OKU disuntik fasa pertama

Petugas barisan hadapan JKM turut diberi keutamaan terima vaksin

Putrajaya: Sebanyak 68,003 individu dalam kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menerima suntikan vaksin dalam fasa pertama, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata mereka yang terbahit terdiri daripada 48,564 warga emas merangkumi ahli Pusat Aktiviti Warga Emas dan penghuni Institusi seliaan KPWKM, serta 19,439 orang kurang upaya (OKU) berdaftar yang juga pelatih Program Pemulihan Dalam Komuniti.

"Saya menyambut baik dan berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi keutamaan kepada kumpulan sasar kementerian serta *frontliners* kami, iaitu petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapat suntikan vaksin fasa pertama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Rina berkata, institusi untuk warga emas dan OKU yang diselenggara oleh swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga patut diberi keutamaan bagi mendapatkan suntikan vaksin, di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara berfasa bermula 26 Februari ini.

Apakah jenis-jenis vaksin?			
Jenis Vaksin	mRNA	Vektor virus	Virus inaktif
	Jukukan mRNA yang dimasukkan ke dalam sel individu bagi menghasilkan protein virus yang spesifik.	Mengandungi virus yang telah diubah suai (vektor) untuk menyampaikan kod genetik antigen, ia menghasilkan protein sasaran oleh sel manusia.	Virus yang telah dimatikan menggunakan suhu yang tinggi, bahan kimia atau radiasi.
	Menggunakan molekul mRNA bagi merangsang imuniti agar mengonali protein pada virus yang dihasikan.	Menggunakan virus pembawa (vektor) yang tidak berbahaya bagi menyampaikan bahan genetik virus sasaran supaya merangsangkan tindak balas imun manusia.	Virus yang telah dimatikan dan digunakan untuk merangsang tindak balas imun manusia.
	<ul style="list-style-type: none"> Mudah dan cepat dihasilkan Tiada komponen hidup, dihasilkan secara sintetik Mencetuskan tindak balas adaptif imuniti 	<ul style="list-style-type: none"> Teknologi yang terbukti Mencetuskan tindak balas adaptif imuniti yang lebih berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> Teknologi yang terbukti Tiada komponen hidup Sesuai untuk mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah Mudah dihasilkan
	<ul style="list-style-type: none"> Sesetengah vaksin mRNA memerlukan keadaan penyimpanan sejuk lampau Kali pertama digunakan sebagai vaksin dalam sejarah perubatan manusia 	<ul style="list-style-type: none"> Proses penghasilan yang kompleks Penting untuk memastikan vektor virus yang digunakan adalah selamat 	<ul style="list-style-type: none"> Kes penghasilan yang tinggi
	Tiada	Ebola, Vaksin haiwan ternakan	Polio, Japanese-Encephalitis & Rabies
	<ul style="list-style-type: none"> Moderna Pfizer/BioNTech 	<ul style="list-style-type: none"> AstraZeneca Cansino Biologics Johnson & Johnson Sputnik V 	<ul style="list-style-type: none"> Sinovac

Sumber: Analisis & kompilasi: Akademi Sains Malaysia

Sementara itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh, berkata mekanisme pengurusan suntikan vaksin COVID-19 di hospital swasta akan ditentukan menerusi perbincangan dengan kerajaan dalam tempoh terdekat.

Katanya, pihaknya sedia bekerjasama dengan kerajaan un-

tuk menayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dijadual 26 Februari ini.

Berbekalkan kemudahan dan kecukupan pengurusan, katanya, hospital swasta mempunyai kemampuan menawarkan khidmat suntikan kepada masyarakat.

"APHM sedang menunggu untuk berbincang mengenai meka-



Saya menyambut baik dan berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi keutamaan kepada kumpulan sasar kementerian serta *frontliners* kami.

Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

nisme vaksinasi kerana sudah tentu ramai yang tertuja untuk mendapatkan suntikan berkenaan di hospital swasta.

"Perkhidmatan sedemikian berupaya ditawarkan, tetapi kita menanti arahan daripada kerajaan," katanya dalam kenyataan.

Dr Kuljit turut menyatakan kesiediaan berganding bahu dengan kerajaan bagi memastikan setiap petugas barisan hadapan, khususnya di sektor perkhidmatan kesihatan yang dijadual menjadi kumpulan penerima pertama vaksin mendapat suntikan itu.

'Vaksin selamat, tiada mikrocip kawal minda'

Kuala Lumpur: Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata vaksin COVID-19 adalah selamat dan tidak mengandungi mikrocip yang akan mengawal minda manusia.

Menjawab persoalan berhubung teori konspirasi yang mendakwa vaksin berkenaan mengandungi mikrocip, Dr Rohaizat berkata, kaedah Messenger RNA (mRNA) yang digunakan dalam penghasilan vaksin sudah terbukti selamat dan berkesan.

"mRNA adalah sangat kecil, kita tidak boleh memasukkan mikrocip di dalamnya dan juga ia tidak berinteraksi dengan genom manusia," katanya dalam rancan-

gan BERNAMA TV's Mid-day Update dikendalikan Jessy Chahal, semalam.

Justeru, beliau menggesa masyarakat mempercayai mesej rasmi atau maklumat daripada laman rasmi kerajaan dan kajian literatur yang boleh dipercayai berkaitan vaksin.

Katanya, orang ramai boleh merujuk kepada *Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan* yang mengandungi maklumat, termasuk jenis vaksin COVID-19 digunakan kerajaan, kemudahan penyimpanan vaksin dan pandangan sudut keagamaan mengenai panduan vaksin dan imunisasi.

Dr Rohaizat berkata, vaksin CO-

VID-19 tidak akan menyebabkan kesan sampingan berbahaya jangka panjang terhadap kesihatan.

"Selakat ini, kajian dari negara lain menunjukkan vaksin ini selamat. Sepanjang yang kita ketahui, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Singapura mendahului kita (pelaksanaan program imunisasi), jadi Malaysia boleh mempelajari serta mengkaji semula prestasi, kekurangan dan pencapaian mereka," katanya seperti dilaporkan BERNAMA.

Sementara itu, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrabi Buang, berkata kelulusan vaksin COVID-19 yang memasuki pasaran di Malaysia tidak mengikut jalan pintas, sebaliknya dikenakan sya-

rat ketat bagi memastikan ia selamat, berkesan dan berkualiti.

Katanya, vaksin COVID-19 yang sudah didaftarkan di negara lain perlu melalui kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA) dan mesti memenuhi syarat sedia ada bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia yang menggunakan vaksin itu.

Beliau berkata, proses ini dilakukan sama seperti dilaksanakan terhadap vaksin terdahulu yang pernah memasuki pasaran Malaysia.

"Ini bermakna vaksin ini akan melalui fasa praklinikal, fasa I, II, III klinikal dan sekarang apabila didaftarkan di Malaysia, ia memasuki ke fasa berikutnya.

"Apabila terdapat vaksin (baharu) berada di Malaysia, ia perlu menepati tiga syarat utama iaitu selamat, berkesan dan berkualiti, ini yang kami ingin beritahu rakyat Malaysia bahawa tidak perlu ada kebimbangan dalam hal ini," katanya pada program Koresponden di BERNAMA TV di sini, semalam.

Mengulas keraguan segelintir rakyat Malaysia terhadap kandungan vaksin COVID-19, Amrabi berkata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri sudah menjelaskan fatwa berkaitan vaksin COVID-19 dan hukum pengambilannya adalah harus. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Pendaftaran penerima vaksin dibuka 1 Mac

Putrajaya: Proses pendaftaran sebagai penerima vaksin COVID-19 mula dibuka 1 Mac, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, pendaftaran itu boleh dibuat melalui lima kaedah, antaranya melalui aplikasi MySjahtera, laman sesawang, melalui panggilan, selain individu dikenal pasti untuk

mendapatkan vaksin tersebut. Selain vaksin keluaran Pfizer dan BioNTech yang mula diperolehi Abad ini, Dr Noor Hisham berkata, beliau lagi syarikat pengeluar vaksin sudah menghantar fesy kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) iaitu Sinovac, Sputnik V dan AstraZeneca.

NPRA masih menjalankan penilaian terhadap keberkesa-

nan dan kesan sampingan ketiga-tiga vaksin, terutama membabitkan kajian klinikal fasa tiga," katanya menambah, NPRA juga sudah menghantar maklumat dari syarikat kepada pengeluar Sputnik V iaitu Gamaleya Research Institute membabitkan dossier yang dihantar.

Sejumlah 312,390 dos vaksin Pfizer fasa pertama dijangka tiba

di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Aliaid ini dengan Program Imunisasi COVID-19. Kebenaran akan dilaksanakan melalui tiga strategi bermula dengan peti gas barisan hadapan pada 26 Februari hingga April.

Strategi kedua adalah mengurangkan beban penyakit kepada kumpulan berisiko tinggi supaya

mereka terlindung daripada jangkitan COVID-19, sekali gus mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam.

Strategi ketiga pula untuk kawalan wabak dengan pemberian vaksin dijalankan sepanjang fasa dua dan tiga di kawasan kluster berisiko tinggi melalui penilaitan risiko bagi mengawal penularan penyakit.

Penularan COVID-19

Pergerakan lebih 10km dibenarkan

Larangan rentas negeri, daerah masih kekal

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan membenarkan pergerakan melebihi radius 10 kilometer (km) dari lokasi beritula hari ini tetapi mengekalkan larangan rentas daerah dan negeri.

Pergerakan lebih 10km itu dibenarkan di semua negeri yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata keputusan itu dibuat selepas banyak aktiviti perniagaan diberikan kebenaran untuk ber-

operasi di seluruh negara. "Selepas mengambil kita keputusan kerajaan sebelum ini yang membenarkan banyak sektor perniagaan dibenarkan beroperasi, adalah tidak relevan untuk kita terus melarang mana-mana pihak bergerak dalam radius 10km.


"Bagaimanapun, larangan merentas daerah dan negeri setakat ini masih lagi dikekalkan di semua negeri," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

Sementara itu, kerajaan melanjutkan pelaksanaan PKP di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang bermula 19 Februari hingga 4 Mac ini.

Keputusan itu dibuat hasil penilaian risiko dijalankan Kementerian Kesihatan (KKM) bersama sidang khas Jawatankuasa Teknikal PKP.

Beliau berkata, status Putrajaya dan babuan akan bertukar daripada PKP kepada PKPB.

"Negeri lain yang turut bertukar kepada status PKPB adalah Perak, Kedah, Negeri Sembilan,



Anggota polis melakukan pemeriksaan dalam sekatan jalan raya ketika tirjauan di jalan Tun HS Lee, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sabah," katanya.

Mengulas mengenai larangan merentas daerah dan negeri, Ismail Sabri berkata, larangan itu dikekalkan kerana ia antara penyumbang peningkatan kes COVID-19.

Berdasarkan data KKM, pergerakan rentas negeri dan daerah menjadi penyebab kepada beberapa kawasan yang sebelum ini dikategorikan sebagai Zon Hijau bertukar Zon Kuning dan Merah.

Ismail Sabri berkata, KKM pernah merekodkan 11 kluster membabitkan pergerakan rentas negeri.

"Contoh ini dapat dilihat pada Disember lalu apabila kerajaan memberi sedikit kelonggaran, ra-

mai yang melakukan pergerakan rentas negeri seperti balik kampung dan bercuti ke Pulau Langkawi sehingga menyebabkan beberapa kawasan yang sebelum itu dikategorikan Zon Hijau bertukar Merah.

"Malah ada beberapa daerah yang terpaksa dilaksanakan PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Dipakekatakan (PKPD)," katanya.

Beliau berkata, beberapa daerah yang hijau juga boleh bertukar kuning dan merah sekiranya kebenaran rentas daerah dan negeri dibenarkan.

"Bagaimanapun, penelitian lapangan dan data dari semasa ke semasa akan dilaksanakan KKM sebelum ia dibentangkan bagi

membolehkan keputusan selanjutnya dibuat.

"Buat masa ini, harap semua bersabar dan kerajaan akan dapatkan pandangan daripada KKM untuk sebarang perubahan," katanya.

Sementara itu, Pasukan Task Force Operasi Pematuhan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) kelmarin menahan 596 individu kerana mengingkari prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan PKP. Daripada jumlah itu seramai 532 individu dikompaun, manakala baki 64 lagi direman.

Ismail Sabri berkata, kesalahan tertinggi membabitkan tiada penjarakan fizikal serta merentas daerah dan negeri tanpa kebenaran.

Semua negeri catat kadar kebolehjangkitan disasarkan KKM

Putrajaya: Malaysia melaporkan kes sembah COVID-19 tertinggi semalam, iaitu 5,718 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih adalah 224,063 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi kes baharu pula sebanyak 2,720 kes dilaporkan membabitkan jangkitan tempatan, menjadikan jumlah kumulatif 269,165 kes dan sehingga kini merekodkan 44,129 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19.

"Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi, iaitu 1,300 kes atau 47.3 peratus daripada ju-

mlah keseluruhan kes dengan 1,067 kes atau 32.1 peratus adalah dalam kluster sedia ada dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Johor dengan 451 kes baharu atau 16.6 peratus dan Kuala Lumpur dengan 318 kes atau 11.7 peratus," katanya menambah sehingga jam 12 tengah hari semalam, ada 19 kluster baharu dan lapan kes kematian dilaporkan.

Pada sidang media semalam, Dr Noor Hisham berkata, semua negeri menunjukkan perkembangan baik dengan kadar kebolehjang-

kitan (Rt) kurang daripada 1 seperti diunjurkan Kementerian Kesihatan (KKM) yang dapat dilihat apabila kes harian COVID-19 menunjukkan penurunan.

"Nilai Rt di seluruh negara ialah 0.88, di Selangor Rt 0.89 dan Sabah menunjukkan penurunan iaitu 0.77; kita sasarkan Sabah dapat mencapai Rt 0.5. Labuan pula nilai Rt mencecah 0.59 dan ini perkembangan baik. Diharapkan Labuan dapat kekal nilai kebolehjangkitan pada paras itu.

"Di Putrajaya nilai Rt adalah 0.79; diikuti Terengganu; iaitu 0.88," katanya.

Semua negeri menunjukkan perkembangan baik dengan kadar kebolehjangkitan (Rt) kurang daripada 1 seperti diunjurkan KKM.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

Sementara itu, beliau berkata, analisis terhadap sampel ujian RTPC-Antigen dan RTP-PCR dijalankan KKM masih mengukut landa aras ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), biarpun berbeza dengan perayaan Tahun Baharu China minggu lalu.

Beliau berkata, walaupun landa aras analisis ditetapkan ialah antara 10 hingga 30 kes negatif bagi setiap kes positif, ujian dijalankan KKM semalam ialah 20 kes negatif bagi setiap kes positif dengan 41,895 ujian RTP-PCR dan RTPC-Antigen dijalankan semalam, sebanyak 2,176 kes didapati positif.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 11
 RUANGAN : COVID-19

5 kaedah mendaftar

Boleh dilakukan menerusi aplikasi atau secara manual

Bernama
 Kuala Lumpur

Kerajaan menyediakan lima kaedah pendaftaran menerusi dalam talian atau secara manual untuk orang ramai mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 di negara ini.

Menurut Buku Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan, Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) semalam, dua kaedah secara dalam talian adalah pendaftaran menerusi aplikasi MySejahtera atau laman sesawang khas di www.vaksinacovid.gov.my.

Bagi pendaftaran secara manual pula, ada tiga kaedah membolehkan orang ramai mendaftar iaitu dengan menghubungi talian hotline (akan dimaklumkan

kemudian), hadir ke fasiliti klinik kesihatan awam dan swasta atau menerusi program bantuan bagi penduduk di kawasan luar bandar serta pedalaman.

"Maklumat janji temu seperti tarikh dan tempat vaksinasi akan dimaklumkan menerusi aplikasi MySejahtera, panggilan telefon atau khidmat pesanan ringkas (SMS)," demikian menurut buku itu.

Proses vaksinasi bagi mereka yang mendaftar secara dalam talian mahupun manual adalah sama merangkumi 18 langkah.

Bagaimanapun, bagi individu yang menerima vaksin jenis satu dos, langkah vaksinasi tamat pada Langkah 9 dan Sijil Imunisasi Vaksin Covid-19 Digital diberikan manakala penerima vaksin jenis dua dos proses tamat di Langkah 18.

Tiada mikrocip mengawal minda

Kuala Lumpur: Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon menegaskan bahawa vaksin Covid-19 adalah selamat dan tidak mengandungi mikrocip yang akan mengawal minda manusia.

Menjawab persoalan berhubung teori konspirasi yang mendakwa vaksin berkenaan mengandungi mikrocip, Dr Rohaizat berkata kaedah Messenger RNA (mRNA) yang digunakan dalam penghasilan vaksin terbukti selamat dan berkesan.

"mRNA adalah sangat kecil, kita tidak boleh memasukkan mikrocip di dalamnya dan ia tidak berinteraksi dengan genom manusia," katanya dalam rancangan Bernama TV's Mid-day Update di-kendalikan Jessy Chahal, semalam.

Justeru, beliau menegaskan agar masyarakat berakut

mempercayai mesej rasmi atau maklumat daripada laman rasmi kerajaan dan kajian literatur yang boleh dipercayai berkaitan vaksin.

Beliau berkata, orang ramai boleh merujuk kepada Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang mengandungi maklumat antaranya mengenai jenis vaksin Covid-19 digunakan kerajaan, kemudahan penyimpanan vaksin dan pandangan sudut keagamaan mengenai panduan vaksin serta imunisasi.

Buku panduan itu dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.


Dr Rohaizat juga menegaskan bahawa vaksin Covid-19 tidak akan menyebabkan kesan sampingan berbahaya jangka panjang terhadap kesihatan.

"Setakat ini, kajian daripada negara lain menunjukkan vaksin ini selamat. Bernama



DR Rohaizat

PROSES VAKSINASI MELALUI APLIKASI MYSEJAHTERA & LAMAN SESAWANG KHAS



Kumpulan sasaran bagi 3 fasa pemberian vaksin dan anggaran individu yang akan divaksinasi

FASA 1 (Februari-April 2021)

Kumpulan utama 1
 Petugas barisan hadapan yang merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta

500,000 orang

Kumpulan utama 2
 Petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting* (essential) dan pertahanan

*Akan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh JKJAV

FASA 2 (April-Ogos 2021)

Kumpulan utama 1
 Baki kakitangan penjaga kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan

9.4 juta orang

Kumpulan utama 2
 Warga emas berumur 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi serta orang kelainan-upaya (OKU)*

*Maklumat terperinci akan dikemaskini dari semasa ke semasa

Kawalan wabak

FASA 3 (Mei 2021-Februari 2022)

Kumpulan utama
 Penduduk berumur 18 tahun ke atas (warganegara dan bukan warganegara) Keutamaan diberikan kepada zon merah, zon kuning dan kemudian zon hijau

sasaran 13.7 juta orang/labin

Kawalan wabak

Sumber: KKM

Kemungkinan kepada 18 tahun ke atas sahaja?

Buat masa ini kebanyakan percubaan klinikal yang dijalankan adalah kepada sukarelawan berumur 18 tahun ke atas.

Beberapa syarikat vaksin akan melaksanakan percubaan klinikal terhadap kanak-kanak justeru, kerajaan akan mempertimbangkan penggunaan vaksin Covid-19 kepada kanak-kanak apabila terdapat data saintifik yang membuktikan keberkesanan dan keselamatannya kepada golongan ini.

Kejayaan vaksinasi Covid-19 di dunia

Negara yang telah memulakan vaksinasi Covid-19 telah menunjukkan kesan positif dalam penurunan kes baru Covid-19 di negara masing-masing. Sebagai contoh, sebuah negara yang telah menjalankan vaksinasi kepada 600,000 penduduk telah melaporkan keberkesanan vaksinasi yang menunjukkan 94% penurunan angkatan Covid-19

Sumber: Thomson Reuters

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : COVID-19



PETUGAS Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah antara anggota barisan hadapan yang akan menjadi kumpulan terawal yang diberikan suntikan vaksin.

Vaksin dapat awal

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Mahadzura Abd Malik
 am@hmetro.com.my

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi fasa pertama mula 26 Februari ini

Kuala Lumpur

Malaysia akan menerima vaksin Pfizer-BioNTech seminggu lebih awal iaitu pada 21 Februari ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sefibanya vaksin Covid-19 itu akan bermula pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi fasa pertama pada 26 Februari.

"Fasa pertama akan membabitkan saya sendiri bersama petugas barisan hadapan bermula hari berkenaan sehingga April.

"Fasa kedua pula akan bermula pada April sehingga Ogos yang membabitkan

kumpulan bersiko tinggi manakala fasa ketiga yang membabitkan golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas bermula dari Mei 2021 sehingga Februari 2022," katanya.

Bellau berkata demikian pada Pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang diartikan secara langsung semalam.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, program imunisasi menyeluruh itu bertujuan memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk di dalam komuniti untuk memutuskan ranta-

ian penularan jangkitan Covid-19 sekali gus menamatkan pandemik itu.

Bellau berkata, apabila program berkenaan berjaya dilaksanakan akan memberi impak positif kepada seluruh negara terutama pembukaan semula sektor ekonomi dan pelancongan.

"Kita boleh saling ziarah-menziarah, aktiviti bersukan juga boleh diamalkan, tetapi dengan mengamalkan 'norma baharu.

"Inilah yang saya maksudkan apabila saya katakan bahawa vaksin Covid-19 adalah

antara sinar harapan paling utama untuk kita menang dalam perang melawan Covid-19 ini. Pastinya, satu lenbaran bantubakal terbuka dengan bermulanya Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan," katanya.

Justeru, beliau menyeru masyarakat supaya tidak mengambil mudah dan segera mendaftar bagi mendapatkan vaksin itu.

"Ingatkan saudara-mara dan rakan untuk turut serta. Pastikan kita hadir pada waktu ditetapkan untuk dos pertama dan juga dos kedua, kerana apabila diri kita dilindungi, kita juga dapat melindungi yang lain terutama orang disayangi," katanya.

Perjelas dasar program imunisasi

Kuala Lumpur: Pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, semalam boleh menjadi rujukan kepada pembuat dasar, pelaksana dan masyarakat.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, buku itu diterbitkan untuk menerangkan dasar program imunisasi secara lanjut yang akan dilaksanakan penghujung bulan ini.

"Ini adalah satu lagi langkah ke hadapan dalam misi menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan iaitu program vaksinasi terbesar yang akan dilaksanakan di negara ini.

"Penerbitan buku itu tepat pada masanya menjelang negara akan menerima penghantaran pertama vaksin Covid-19 pada Ahad ini," katanya pada Majlis Pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Putrajaya, semalam.

Pelancaran secara maya itu turut disertai Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr

INFO

Buku diterbitkan untuk menerangkan dasar program imunisasi secara lanjut yang akan dilaksanakan penghujung bulan ini

Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin. Muhyiddin berkata, vaksinasi amat penting untuk melindungi bukan sahaja diri sendiri, tetapi juga ahli keluarga, rakan kerja, jiran dan seluruh komuniti.

"Inilah juga maksud slogan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang saya perkenalkan secara rasmi iaitu Lindung Diri, Lindung Semua," katanya. Pada majlis sama, Muhyiddin turut melancarkan laman web www.vaksinovid.gov.my untuk orang ramai memuat turun Buku Panduan Program Imunisasi ini.



MUHYIDDIN melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Daingaman Perdana Putra, semalam.

Kuala Lumpur: Kelulusan vaksin Covid-19 yang memasuki pasaran di Malaysia tidak mengikut jalan pintas, sebaliknya dikenakan syarat ketat bagi memastikan ia selamat, berkesan dan berkualiti.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia Amrathi Buang berkata, vaksin Covid-19 yang didaftarkan di negara lain perlu melalui kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) dan ia mesti memenuhi syarat sedia ada bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia yang menggunakan vaksin itu.

Kelulusan vaksin koronavirus tidak ikut jalan pintas

Bellau berkata, proses ini dilakukan seperti biasa dilaksanakan terhadap vaksin terdahulu yang pernah memasuki pasaran Malaysia.

"Ini bermakna vaksin ini akan melalui fasa pra klinikal, fasa I, II, III klinikal dan sekarang apabila ia sudah didaftarkan di Malaysia, ia akan memasuki ke fasa yang berikutnya.

"Apabila terdapat vaksin (baharu) yang berada di Malaysia, ia perlu menepati tiga syarat utama iaitu selamat, berkesan dan berkualiti dan



ini yang kami ingin beritahu rakyat Malaysia bahawa tidak perlu ada kebimbangan

Proses ini dilakukan seperti biasa dilaksanakan terhadap vaksin terdahulu yang pernah memasuki pasaran Malaysia"

Amrathi Buang

dalam hal ini," katanya dalam program. Koresponden yang disiarkan secara lang-

sung di Bernama TV di sini, semalam.

Ditanya tentang keraguan segelintir rakyat Malaysia terhadap kandungan vaksin Covid-19, Amrathi berkata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri sudah menjelaskan fakta berkaitan vaksin Covid-19 dan hukumambilannya adalah harus.

Bellau berkata, melalui pantauannya juga mendapati isi kandungan vaksin Pfizer-BioNTech tidak mempunyai bahwan daripada sumber halwan.


"Oleh itu, kita boleh buat andaian bahawa vaksin ini produk halal.

"Begitu juga vaksin Sinovac yang dibangunkan syarikat farmaseutikal China... vaksin itu sudah digunakan di Indonesia dan difatwa halal Majelis Ulama Indonesia (MUI) selepas membuat kajian bagi memastikan vaksin itu tidak mengandungi bahan terlarang," katanya. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19



PELUGAS barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika melakukan saringan Covid-19 kepada mereka yang terlibat dalam Pemasyhuran Bandaraya Kuantan di Wisma Bella semalam. Pelugas pasukan KKM tetap komited dan bekerja tanpa putus asa dalam usaha memerangi pandemik ini dan negara ini melalui tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan peningkatan kes Covid-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

Tiada perubahan pemilikan stesen NTV7

Kuala Lumpur: Media Prima Berhad ingin menjelaskan tiada perubahan kepada pemilikan safaran televisyen di bawah Rangkaian Televisyen Media Prima iaitu Natseven TV Sdn Bhd (NTV7) dan ia juga tidak berhenti operasi seperti tanggapan dan laporan sesetengah pihak.

Media Prima Berhad dalam satu kenyataannya berkata, ini susulan berita pelancaran DidikTV Kementerian Pendidikan, Malaysia (DidikTV KPM) hari ini.

Menurutnya, DidikTV KPM adalah kolaborasi komersial strategik antara Media Prima dan KPM meningkatkan akses kepada pendidikan ber-

kuaiti bagi semua murid seluruh negara melalui capaian luas Media Prima dalam negara dan keupayaannya dalam menerbitkan kandungan berkualiti.

"DidikTV KPM akan menyiarkan kandungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berteraskan kurikulum dan kokurikulum KPM, di samping program berkaitan pendidikan termasuk kandungan didik hiburan.

"Ia juga akan memaparkan kandungan yang memperkasakan budaya ilmu, menerapkan nilai murni dan mewujudkan platform bagi masyarakat berinformasi," katanya.

2,720 kes baharu, lapan kematian dicatat

Kuala Lumpur: Sebanyak 2,720 kes baharu Covid-19 dengan lapan kematian dicatatkan di negara ini sejak takatengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data terbaharu berkenaan menjadikan jumlah kes kumulatif ialah 269,165 manakala jumlah kematian mencecah 983 kes.

Katanya, kes sembahulu pula mencatatkan sebanyak 5,718 kes dengan jumlah kumulatif 224,059 kes.

"Semua kes positif memba-

bitkan kes tempatan merangkumi 1,391 warganegara dan 1,329 bukan warga negara.

"Sebanyak 253 kes dirawat di unit rawatan rapi (UCU) manakala 118 kes lagi

memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Jeliau berkata, 19 kluster baharu dikesan, semalam membabitkan 14 kluster berkaitan tempat kerja, empat di komuniti dan satu daripada kumpulan berisiko tinggi.

"Kluster baharu tempat kerja di Johor dikesan di Pengarang Wawasan Kuala Lumpur, Industri Cyber dan Jalan Pelepas Empat, diikuti Selangor di Rawang

Bestari, Jalan Industri Dua Belas, Jalan Industri Tiga dan Jalan Lazuardi.

"Di Sabah kluster baharu dikesan di Siripang Tiga dan Jalan Apas Empat di Iktu Kuala Lumpur di Tapak Bina Jalan Segambut; Jengka Tujuh di Pahang dan Jalan Day, Kedah serta Jalan Kayu Manis, Perak.

"Selain itu, kluster komuniti di Sarawak dikesan di Gelong, Kidurong Dua, Kampung Sungai Maong dan Univista manakala satu kluster membabitkan kumpulan berisiko tinggi di Jalan Geronggang," katanya.



“Semua kes positif membabitkan kes tempatan merangkumi 1,391 warganegara”
Dr Noor Hisham

Rentas daerah, negeri antara punca kes naik

Kuala Lumpur: Pergerakan rentas daerah dan negeri masih tidak dibenarkan kerana ia adalah antara penyumbang kepada peningkatan kes jangkitan Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), rentas negeri menjadi penyebab beberapa negeri dan daerah hijau bertukar kuning serta merah.

Katanya, sebagai contoh ada boleh dilihat pada Disember lalu apabila rentas daerah dan negeri dibenarkan menyebabkan kes meningkat.

Disember lalu di Kelantan yang sebelum itu negeri hijau bertukar merah kerana peningkatan rentas negeri untuk pulang ke kampung dan bercuti.

"Beberapa daerah yang hijau bertukar kuning dan merah kerana rentas daerah dibenarkan," katanya dalam sidang media Covid-19 di Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Menututnya, lebih 110 kluster membabitkan rentas negeri dan daerah direkodkan KKM, sebelum ini menyebabkan kerajaan

tidak membenarkan tindakan itu buat masa ini.

Katanya, positif yang dilaporkan dan data dari semasa ke semasa akan dilaksanakan KKM, sebelum ia dibentangkan untuk tindakan selanjutnya.

"Buat masa ini harap semua bersedia dan kerajaan akan dapatkan pandangan daripada KKM untuk sebarang perubahan," katanya.

Dalam padatnya, kerajaan menibulkan pergerakan lebih 10 kilometer radius dari rumah masing-masing.

Katanya, keputusan itu termasuk kepada kawasan rentas negeri melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



PETUGAS barisan hadapan KKM bersedia melakukan saringan Covid-19 kepada individu yang bakal terlibat dalam Pemasyhuran Bandarnya Kuantan di Wisma Bella, Kuantan, semalam.

Oleh Ekdwan Haque-Fazil Haque dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor an@hmetro.com.my

PKP 2.0 DILANJUT

Babit 4 negeri hingga 4 Mac

Kuala Lumpur

Kerajaan bersetuju mengemukakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang bermula 19 Februari hingga 4 Mac ini.

Manakala bagi negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sabah ditikarkan status kepada Perintah Kawalan Bersekat (PKPB).

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi negeri Perlis pula ditikarkan status kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PRPP) manakala ke-

rajaan negeri Sarawak turut memiakan mengemukakan PKPB bermula 15 Februari hingga 1 Mac ini.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah membentangkan perkara ini menerusi sidang khas Majlis Keselamatan (MKN) dan juga membentangkan penilaian risiko Covid-19 di negara ini.

"Secara umumnya KKM memiakan kes di

kebanyakan negeri menunjukkan trend penurunan iaitu selepas dua minggu pelaksanaan PKP 2.0, trend kes import dan rentas negeri juga menurun bermula 3 Februari lalu.

"Namun kes kekal tinggi di beberapa negeri, antaranya Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang, oleh itu selepas membuat penilaian risiko dan per-

bincangan pelbagai agensi, sidang khas hari ini bersetuju mengemukakan PKP di negeri-negeri terbabit," katanya pada sidang media semalam.

Ismail Sabri berkata, mengenai prosedur operasi standard (SOP) di kawasan PKPB dan PKPP adalah sama seperti yang dilaksanakan terdahulu.

"MKN sudahpun mengemukakan SOP dan aktiviti yang dibenarkan menerusi laman sesawang mereka," katanya.

Sarawak kekal status PKPB dari 15 Februari hingga 1 Mac



ANGGOTA polis melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan yang melalui satu jalan raya di sekitar ibukota, semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEGARA

Kesan positif akan dirasai selepas program suntikan cegah Covid-19 bermula

Vaksin buka lembaran baharu

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech yang akan tiba Ahad ini antara sinar utama buat negara untuk memenangi perang melawan Covid-19.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, program imunisasi akan dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan rakyat dilindungi daripada koronavirus yang telah menyerang negara sejak Januari 2020.

Katanya, pengambilan vaksin penting kerana ia membentuk imuniti dalam komuniti dan impak positif akan dirasai rakyat apabila semua individu telah dilindungi dan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berjaya dilaksanakan.

"Pelbagai sektor ekonomi akan dibuka semula seperti pelancaran dan kita boleh saling ziarah-menziarahi serta bersukan mengikut norma baharu.

"Pastinya, satu lembaran baharu bakal terbuka," katanya pada majlis pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Kesihatan, Datuk



MUHYIDDIN (tengah) menandatangani plak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sambil diperhatikan Adham (kiri) dan Khairy Jamaluddin (kanan) pada majlis pelancaran di Putrajaya semalam.

Seri Dr. Adham Baba. Menurut Muhyiddin, kumpulan vaksin pertama itu akan tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur Sepang Ahad ini.

Tambahnya, ia kemudian dibawa ke pusat penyimpanan vaksin di seluruh negara sebelum roll-out pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dimulakan pada 26 Februari sehingga April depan.

"Saya akan menerima suntikan vaksin pada hari itu bersama kumpulan sulung petugas barisan hadapan," katanya.

Ujar Muhyiddin, fasa kedua akan bermula sehingga Ogos melibatkan kumpulan berisiko tinggi, manakala fasa ketiga melibatkan golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas bermula dari Mei sehingga Februari 2022.

Sementara itu, Perdana Menteri menasihatkan rakyat agar tidak bertengah untuk mendaftar bagi mendapatkan vaksin Covid-19 apabila tiba masanya.

"Ingatkan saudara-mara dan rakan-rakan untuk turut serta. Pastikan kita hadir pada waktu yang telah ditetapkan untuk dos

pertama dan dos kedua. "Bila diri kita dilindungi, kita juga dapat melindungi yang lain terutama orang yang disayangi," katanya.

Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan itu diterbitkan untuk menerangkan dengan lebih lanjut berhubung dasar program imunisasi dan sebagai rujukan para pembuat dasar, pelaksana serta masyarakat.

Buku itu boleh dimuat turun di laman web www.VaksinCovid.gov.my.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan

FASA 1

- Bermula 26 Februari hingga April 2021 melibatkan seramai 500,000 orang
- Kumpulan utama 1 - Petugas barisan hadapan yang merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta
- Kumpulan utama 2 - Petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting dan pertahanan

FASA 2

- Bermula pada April hingga Ogos 2021 melibatkan seramai 9.4 juta orang
- Kumpulan utama 1 - Baki kakitangan penjaja kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan
- Kumpulan utama 2 - Warga emas berumur 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi dan orang kelainan upaya (OKU)

FASA 3


- Bermula pada Mei 2021 hingga Februari 2022 melibatkan lebih 13.7 juta orang
- Kumpulan utama - Penduduk berumur 18 tahun ke atas (warganegara & bukan warganegara)
- Keutamaan diberikan kepada zon merah, zon kuning dan kemudian zon hijau

Ahli Parlimen, ADUN termasuk kumpulan pertama

PUTRAJAYA – Pemimpin politik dalam kalangan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sama ada dalam blok kerajaan atau pembangkang akan diberikan vaksin Covid-19 dalam fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, keputusan itu diperakui oleh Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin setelah mempertimbangkan kedudukan dan situasi bentuk kerja mereka yang perlu berdampak serta bertemu masyarakat terutama di peringkat akar umbi.

"Oleh sebab itu, kerajaan bersetuju Ahli Parlimen dan ADUN diberikan vaksin dalam fasa



AHLI Parlimen dan ADUN menjadi kumpulan pertama akan menerima vaksin Covid-19.

pertama untuk membolehkan mereka dapat menjalankan tugas

dengan berkesan dan selamat. "Bagaimanapun, kita minta

menteri, berkaitan untuk berbincang dengan pimpinan parti politik masing-masing supaya bersetuju dan memaklami keperluan itu untuk melaksanakan vaksinasi apabila diterima nanti," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri turut memberi bayangan kumpulan petugas media dan guru bakal diberikan pertimbangan sebagai antara penerima pertama vaksin Covid-19.

Bagaimanapun, kata beliau, keutamaan kerajaan dalam fasa pertama adalah kepada petugas

barisan hadapan bagi melindungi mereka dijangkiti wabak sekali gus memastikan perkhidmatan kesihatan, pertahanan dan keselamatan negara di tahap optimum.

"Saya setuju para wartawan, guru-guru juga kumpulan penting, namun memandangkan bekalan vaksin adalah terhad pada fasa pertama, kita perlu lebih selektif untuk memastikan sektor perkhidmatan perlu tidak terganggu dengan jangkitan Covid-19.

"Selepas lebih banyak bekalan vaksin diterima negara, lebih banyak pekerja termasuk wartawan dan guru akan diberikan suntikan vaksin bagi mengekang Covid-19," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEGARA

PENDAFTARAN BAGI MENDAPATKAN VAKSIN AKAN DILAKSANAKAN MENERUSI KAEDAH BERIKUT:



Aplikasi MySejahtera



Talian hotline (akan dimaklumkan)



Program bantuan (outreach) bagi kawasan luar bandar dan pedalaman




Menerusi laman web sesawang www.vaksin.gov.my



Pendaftaran di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta

Maklumat temu janji seperti tarikh dan tempat vaksinasi akan dimaklumkan menerusi aplikasi MySejahtera, panggilan telefon atau SMS.



Bagi memastikan individu sesuai sahaja diberikan vaksin Covid-19
Saring kesihatan dahulu baru suntik

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA — Saringan sejarah kesihatan dan alahan akan dilakukan terlebih dahulu sebelum seseorang individu itu boleh di-sahkan menerima suntikan vaksin Covid-19.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ia bagi memastikan individu yang tidak sesuai, tidak diberi suntikan vaksin selain merendahkan risiko kesan sampingan kepada penerima terbabit.

"Selepas seorang itu diberikan suntikan vaksin, kita akan membuat pemantauan untuk tempoh 15 hingga 30 minit di pusat pemberian vaksin sebelum penerima dibenarkan pulang.

"Ini bagi memastikan tiada reaksi alahan yang agak serius sejerus menerima suntikan. Jika tiada (alahan), maka mereka dibenarkan pulang," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, pemantauan berterusan dibuat bagi menilai keberkesanan dan keselamatan vaksin sepanjang Program Imunisasi



SESEORANG penerima vaksin Covid-19 perlu menjalani ujian saringan kesihatan dan alahan sebelum dibenarkan mengambil suntikan berkenaan. — GAMBAR HIASAN

Covid-19 Kebangsaan.

"Seperti vaksin Jain, vaksin Covid-19 mempunyai kesan sampingan yang agak ringan kepada pesakit seperti bengkak di tempat suntikan dan sebagainya tetapi saya percaya kesan sampingan ini akan dapat pulih sendiri.

"Namun begitu, kalau ada perkara-perkara tertentu yang perlu diambil kira oleh pihak

kerajaan, maka Kementerian Kesihatan akan meneliti dan mengkaji apakah langkah-langkah seterusnya untuk menentukan proses imunisasi yang dilaksanakan tidak akan terganggu.

"Malah boleh diteruskan ke satu peringkat di mana hampir seramai yang layak menerima vaksin diberikan suntikan vaksin," ujarnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa memantau perkembangan negara-negara yang lebih awal menjalankan program vaksin Covid-19 dan kesan sampingan selepas suntikan diberikan.

Pada masa sama, beliau meletakkan harapan tinggi agar tiada sebarang insiden atau perkara yang tidak diinginkan berlaku sepanjang Program Imunisasi

Lokasi pemberian vaksin

- Vaksinasi akan dijalankan di 605 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara
- Pusat Simpanan Vaksin (PSV) melibatkan 54 lokasi
- PPV sementara seperti di stadium, pusat konvensyen, dewan orang ramai, universiti serta fasiliti yang bersesuaian akan dibuka mengikut keperluan

Covid-19 Kebangsaan dilaksanakan yang memerlukan kerajaan meneliti semula perkara berhubung program vaksinasi.

"Kita lihat contoh-contoh negara yang lebih awal melaksanakan vaksinasi. Seperti di Indonesia, Joko Widodo (Jokowi) yang sudah menerima vaksin dan beliau nampak sihat.

"Jadi, kerajaan harap dengan keadaan yang kita perhafikan berlaku di banyak negara, maka demikian juga apa yang kita harap akan sama di Malaysia," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Khairy Jamaluddin berkata, kerajaan sedang memperhalusi satu bentuk skim pampasan kepada individu yang mengalami kesan sampingan serius daripada suntikan vaksinasi Covid-19.

"Kabinet bersetuju Kementerian Kesihatan akan menyediakan skim khas bagi tujuan ini," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

5,718 kes sembuh, jumlah tertinggi pernah direkodkan

PUTRAJAYA — Kes sembuh Covid-19 mencatatkan rekod tertinggi dengan 5,718 kes, menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya sebanyak 224,053 kes.

Dalam masa sama, sebanyak 2,720 kes harian dicatatkan kesemuanya membabitkan penularan tempatan dengan kes aktif kebolehhangkitan sebanyak 44,129 kes.

Selangor mencatatkan kes baharu tertinggi sebanyak 1,300 kes diikuti Johor (451 kes) dan Kuala Lumpur (318 kes).

Terdapat lapan kematian di Sarawak, Selangor, Sabah, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan membabitkan enam lelaki dan dua wanita berusia antara 47 hingga 86 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 19 kluster baharu melibatkan 14 kluster berkaitan tempat kerja, empat kluster komuniti dan satu kluster melibatkan kumpulan be-

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	2,720
Import	0
Tempatan	2,720
Pulih	5,718
Kematian	8
Masih dirawat	44,129
Jumlah kes sembuh	224,053
Jumlah kematian	983
Jumlah kes keseluruhan	269,165

risiko tinggi.

Menurutnya, Kluster Rawang Bestari di Gombak dan Hulu Selangor, Selangor dengan 45 kes pekerja sebuah kilang di Rawang

Integrated Industrial Park, Gombak serta Kluster Jalan Lazuardi di Petaling dengan 24 kes pekerja sebuah syarikat perkhidmatan di Jalan Lazuardi, Shah Alam.

"Kluster Jalan Industri Dua Belas di Petaling dengan 17 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Industri 12, Kampung Baru Sungai Buloh serta Kluster Jalan Industri Tiga di Gombak dengan 16 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Industri 3/4, Rawang Integrated Industrial Park, Gombak.

"Kluster Industri Cyber pula di Kulai, Johor dengan 161 kes di sebuah kilang di Jalan Cyber 14, Kawasan Perindustrian Senai 4, Kulai dan Kluster Jalan Pelepas Empat di Johor Bahru dengan 87 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Pelepas 4/6, Johor Bahru," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Bellau berkata, Kluster Wawasan Kulai pula di Kulai dan Kota Tinggi dengan 68 kes pekerja sebuah kilang di Taman

Wawasan, Kulai serta Kluster Package Pengerang di Kota Tinggi dengan 10 kes melibatkan sebuah syarikat perkhidmatan di Pengerang, Kota Tinggi.

Ujarnya, Kluster Tapak Bina Jalan Segambut di Kepong, Kuala Lumpur dengan 173 kes pekerja sebuah tapak binaan serta Kluster Jalan Apas Empat di Tawau dan Kalabakan, Sabah dengan 22 kes di dua kilang di Tawau.

"Kluster Simpang Tiga di Kota Belud, Kota Marudu dan Pitas pula dengan 25 kes melibatkan sebuah syarikat perkhidmatan serta Kluster Jalan Kayu Manis di Manjung, Perak dengan 12 kes melibatkan sebuah pasar raya.

"Kluster Jalan Day di Kota Setar dan Kubang Pasu, Kedah pula dengan 12 kes melibatkan sebuah pusat pengajian di Jalan Day (nama lama bagi Jalan Sultanah), Alor Setar dan Kluster Jengka Tujuh di Maran dan Jerantut, Pahang dengan 20 kes iaitu kes indeks saringan pra-

pembedahan.

"Ia melibatkan dua pusat pengajian di Maran," katanya.

Katanya, kluster komuniti membabitkan Kluster Univista di Samarahan dan Kuching, Sarawak dengan 45 kes.

"Kluster Gelong di Kapit dengan 14 kes iaitu kes indeks saringan sendiri serta melibatkan sebuah majlis pengebumian.

"Kluster Kampung Sungai Maong di Kuching dengan 18 kes serta Kluster Kidurong Dua di Bintulu dengan 12 kes iaitu kes indeks saringan bergejala yang bekerja di Kidurong Dua, Bintulu serta melibatkan ahli keluarga dan kontak rapat kes indeks," katanya.

Sementara itu, katanya, satu lagi kluster membabitkan kumpulan berisiko tinggi iaitu Kluster Jalan Geronggang di Sibul dengan 41 kes iaitu kes indeks saringan komuniti serta melibatkan sebuah pusat jagaan warga emas di Jalan Geronggang, Sibul.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Vaksin Covid-19 tiba Ahad ini



Muhyiddin ketika melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Bahayun Perdana Putra, Putrajaya pada Selasa. Hadir sama Khairy Jamaluddin (kanan) dan Dr Adham (kiri).

Muhyiddin bersama-sama frontliners akan disuntik Pfizer-BioNTech pada 26 Februari ini

Oleh TUAN BUQHAI RAM TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Vaksin Covid-19 keluaran Pfizer-BioNTech akan tiba di Malaysia pada Ahad ini. Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rollout pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 kebangsaan akan bermula pada 26 Februari 2021.

"Saya sendiri akan meneri-

ma suntikan vaksin pada hari tersebut bersama-sama petugas barisan hadapan." Katanya dalam ucapan majlis pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di pejabatnya di sini pada Selasa. Menurut Muhyiddin, satu lembaran baharu bakal terbuka dengan permulaannya Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan pada penghujung bulan ini. "Ringkasnya, vaksinasi amat penting untuk kita melindungi bukan sahaja diri sendiri tetapi juga yang tersayang iaitu ahli keluarga, rakan kerja, jiran sekeliling dan seluruh komuniti," kata Muhyiddin. Perdana Menteri berkata pelaksanaan program imunisasi secara menyeluruh adalah untuk memastikan komuniti kelompok dapat dibentuk di dalam komuniti sekali-gus memutus-

kan rantaian penularanjangkitan Covid-19 dan menamatkan pandemik ini. Apabila semua orang telah dilindungi dan program imunisasi berjaya dilaksanakan, impak positif akan mula dirasakan," kata beliau. Tegas Muhyiddin, pelbagai sektor ekonomi akan dibuka semula selepas program imunisasi selesai dilaksanakan. "Kita boleh saling ziarah, menziarahi, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengutamakan normal baharu," katanya. Sehubungan itu, masyarakat dimasalahkan agar tidak mengabaikan prosedur berhubung vaksin Covid-19. Apabila tiba masanya, jangan bersedih untuk menandatangani bagimendapatkan vaksin. "Ingatkansaudara, mara dan-

BEKALAN FASA PERTAMA VAKSIN PEZEFER-BIONTECH

TIBA 26 FEB, 2021
Dilipkan berpapamkat ke negeri-negeri seluruhnya di Malaysia
1-2 MINGGU
12.8 JUTA dos vaksin Pfizer-BioNTech
12.2 JUTA dos lagi vaksin sama

KAJIAN KLINIKAL FASA 3 VAKSIN (SARS-COV 2)

- Tiba Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IMBCAMS)
• Sebanyak 41 sukarelawan telah menerima suntikan pertama 1 Feb 2021
• Lebih 3,000 sukarelawan hingga 19 tahun ke atas
• Dilipih berdasarkan kriteria ditetapkan

Sumber: Media Perenggan Kesihatan dan Dr Nurul-Huda Abdullatif | April 2021 | 11 |

rakan-rakan untuk turut serta. "Pastikan kita hadir pada waktu yang telah ditetapkan, untuk dos pertama dan juga dos kedua kerana apabila diri kita dilindungi, kita juga dapat melindungi yang lain terutama orang yang disayangi," kata Perdana Menteri. Terdahulu, selain melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Muhyiddin turut melancarkan laman web yang bertajuk 'Vaksin Covid-19.gov.my' di mana buku panduan program imunisasi ini boleh dimuat turun. Buku panduan yang diter-

bitkan ini untuk menerangkan dengan lebih lanjut bertubung dasar program imunisasi. "Dokumen ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada para pembuat dasar dan pelaksana, tetapi juga untuk menunjukkan syarikat," kata beliau sambil menyifatkan penerbitan buku berkenaan tepat pada masanya. "Hadir sama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, Abu Bakar meruapok Penapis Bersejarah, Wafatuku, dan Khas Jamban Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (KIAV).

Jangan bimbang kesan sampingan vaksin Covid-19

PUTRAJAYA - Orang ramai dimasihati agar tidak perlu bimbang terhadap kesan sampingan selepas menerima vaksin Covid-19. Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ia kerana saringan sejarah kesihatan akan dilakukan terhadap individu sebelum layak menerima vaksin. "Ini bagi memastikan individu yang tidak sesuai menerima vaksin tidak akan dibersuntikan vaksin Covid-19," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dan laman sesawang www.VaksinCovid.gov.my. Seperti vaksin lain, katanya, vaksin

Covid-19 mempunyai kesan sampingan yang ringan. Antaranya, bengkak di bahagian yang disuntik selain keletihan, sakit kepala, sakit otot, sakit sendi, menggigil dan demam," kata beliau. Jelas Muhyiddin, walaupun kesan sampingan serius seperti anafilaksis boleh berlaku, namun ia jarang berlaku. "Jika terdapat kesan sampingan serius, rawatan segera akan diberikan," katanya. Muhyiddin berkata, pemantauan berterusan akan dibuat bagi menilai keberkesanan dan keselamatan vaksin sepanjang Program Imunisasi Covid-19 dilaksanakan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pendaftaran vaksin dibuka 1 Mac

Lima kaedah pendaftaran ditetapkan Kementerian Kesihatan

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Pendaftaran untuk mendapatkan vaksin Covid-19 akan dibuka kepada orang ramai pada 1 Mac depan.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak lima kaedah pendaftaran telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Antara lima kaedah pendaftaran adalah melalui MySejahtera, laman sesawang dan telefon, katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementerian pada Selasa.

Menurutnya, setiap vaksin yang diluluskan penggunaan adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan.

Bagian Regulator Farmasi Negara (NPR) akan melihat kepada data kajian fase tiga vaksin, keberkesanan dan keselamatan, katanya.

Beliau berkata, sekiranya terdapat kesan sampingan, penggunaan terhadap vaksin itu akan dilakukan secara berhati-hati.



Sebanyak lima kaedah pendaftaran antaranya melalui MySejahtera, laman sesawang dan telefon.

"Jika terdapat kesan sampingan, kita akan rekodkan dan sudah tentu juga melihat laporan kesan sampingan di negara lain selain memaklumkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, KKM telah melakukan kesiapsiagaan terhadap vaksin sejak Ogos tahun lalu.

Dengan kerjasama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kita telah menyediakan prasarana vaksin ini. Insya ALLAH ini masanya, katanya.

Menurutnya, beliau optimis pandemik Covid-19 boleh ditamatkan dengan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dan kaedah kesihatan awam.

"Kalau kedua-dua kaedah

digunakan, Insya ALLAH kita boleh tamatkan penularan dan jangkitan Covid-19," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai syarikat pengeluar vaksin yang telah berdaftar dengan NPR, Dr. Noor Hisham berkata, pihaknya telah menerima dosenn daripada Sinovac, AstraZeneca dan Sputnik.

"Kita telah memberi maklum balas kepada Sputnik dan mereka boleh menjawab soalan-soalan yang dikemukakan," katanya.

Beliau menjelaskan, beliau yakin bersyarat mungkin akan diberikan kepada syarikat berkenaan.

"Sekiranya ada kesan sampingan atau data-data terkini mereka boleh menghantar semula kepada NPR untuk penilaian," katanya.

605 lokasi dijadikan Pusat Pemberian Vaksin

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti 605 lokasi sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi membolehkan program vaksinasi itu dilaksanakan yang dijangka bermula akhir bulan ini.

Menurut Buku Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PPV) sementara, seperti stadium, pusat konvensyen, dewan orang ramai, universiti serta fasiliti bersesuaian juga akan dibuka mengikut keperluan dan lokasi itu dikemas kini dari masa ke masa.

Dokumen yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) itu menyatakan, sebanyak 54 lokasi juga akan dijadikan sebagai Pusat Simpanan Vaksin.

"Proses penghantaran dan penyimpanan vaksin di lokasi itu akan melibatkan operasi bersepadu pelbagai agensi kerajaan menerusi KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta pihak berkuasa keselamatan yang lain.

"Setakat ini, KKM berjaya melaksanakan latihan penghantaran vaksin di Klinik Kesihatan Belaga yang merupakan kawasan pedalaman di Sarawak dan Hospital Bintulu pada 29 sehingga 30 Januari lepas sebagai persiapan rapi sebelum proses imunisasi dilaksanakan," demikian memuat dokumen tersebut.

Sementara itu, vaksin yang akan diberikan hanya meningigit serta kesan sampingan yang ringan dan bersifat sementara seperti sakit, bengkak atau kemerahan di tempat suntikan, penat, sakit kepala, mengigil, sakit sendi, demam, loya dan bengkak kelenjar limfa.

Buku tersebut turut menyatakan pemantauan kesan sampingan dan kesan sampingan susulan imunisasi (AEHI) akan dijalankan secara pengawasan diperketatkan dengan penerima vaksin yang akan diberi notifikasi dan peringatan berjadual melalui aplikasi MySejahtera bagi melaporkan sebarang masalah dialami.

Saringan komuniti percuma di Shah Alam hari ini

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor melaksanakan ujian saringan (Covid-19) bersasar komuniti secara percuma di dewan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Seksyen 19 di sini pada Rabu.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ujian saringan bersasar itu dilaksanakan dari jam 9 pagi hingga 4 petang.

Menurutnya, penduduk di Seksyen 15, 17, 18, 19, 20 dan Seksyen 24 digalakkan hadir

menjalani ujian saringan yang merupakan inisiatif kerajaan negeri bagi menangani Covid-19.

Khusus buat penduduk di Shah Alam, saringan komuniti akan dilaksanakan esok bermula jam 9 pagi hingga 4 petang di Dewan MBSA Seksyen 19.

Daftar di screening.selangor.my, katanya menerusi kenyataan di muat naik di Facebooknya pada Selasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Tiada sebab KKM manipulasi data

Pakar kesihatan sitaikan kes Covid-19 berkurang hasil pelaksanaan PKP

Oleh NORHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Tiada sebab untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memanipulasi data kes positif baharu Covid-19, meskipun jumlah kluster meningkat berbanding jumlah kes baharu yang dikesan.

Pakar kesihatan, pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 pada Januari tahun ini berjaya mengurangkan jumlah kontak rapat yang perlu disaring. Beliau berkata, pelaksanaan

PKP bertujuan untuk mengurangkan pergerakan supaya dapat mengurangkan jumlah kontak rapat. "Secara tidak langsung, PKP menjadikan jumlah saringan kurang dan kes pun menyusut. "PKP bukan dibuat untuk menaikkan kes Covid-19. Jika kes kurang bermakna itu kejayaan PKP bukan KKM manipulasi data," katanya pada Selasa.

Jelas beliau, tiada keperluan untuk KKM menyimpan data kerana akhirnya akan menimbulkan masalah kepada Kementerian yang melindungi kesihatan awam itu. "Saya tak nampak perlunya KKM untuk menyimpan data supaya tidak nampak banyak kes dan sebagainya. Saya tidak setuju dengan dakwaan itu.

"Bukan KKM yang tentukan PKP dan sebagainya. KKM akan berikan jumlah kes, terpulang kepada kerajaan tentukan tindakan yang perlu dilakukan untuk pasti-

kan kes berkurangan. Beliau berkata, semua pihak termasuk pemimpin politik dan individu berkepentingan perlu berhenti menyebarkan perkara-perkara yang membingungkan rakyat. "KKM sebagai agensi yang telus. Apa yang dipamerkan ialah perkara yang benar kerana sebagai barisan petugas kesihatan khususnya Ketua Pengarah Kesihatan sendiri ada etika dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab.

"Jika KKM simpan data, akhirnya Kementerian itu yang akan susah sebab kes naik. Sepatutnya pujian dibagikan kepada kerajaan mengawal kes positif Covid-19 dengan PKP," katanya.

Sebelum ini Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pernah menjelaskan data harian kes positif Covid-19 yang diumumkan setiap hari diperoleh melalui sistem inaklumat dan kesihatan awam dari setiap negeri.

PKP di Kuala Lumpur dan tiga negeri lanjut lagi

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang, dilanjutkan selama dua minggu lagi bermula lima ini sehingga 4 Mac depan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri berkata, negeri-negeri lain di bawah pelaksanaan PKP sebelum ini ditukar kepada PKP Bersyarat (PKPB), manakala Perlis merupakan satu-satunya negeri dalam negara yang berstatus PKP Pemulihan (PKPP) berkuat kuasa tarikh sama.

Beliau berkata, perubahan status kawalan pergerakan ini

diputuskan selepas bantahanisiko dibentang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada sidang khas Majlis Keselamatan Negara pada Selasa.

KKM sahkan trend kes import tentas negeri juga turun mulai 3 Februari lepas. Bagaimanapun, kes masih kekal tinggi di beberapa negeri iaitu di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. "Katanya pada sidang akhbar persembangan PKP di sini pada Selasa

PKP yang dilaksana di kesemua negeri kecuali Sarawak sebelum ini dijadual tamat Khamis ini.

Ismail Sabri turut mengumumkan penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Kangsar, Perak yang memabitkan Felda Idris dan Kimjung Besti Api, seramai Kuala Berang. Terengganu memabitkan Felda Tersat dan Tapak Bina Kuarters Tenaga Nasional Berhad, ditamatkan pada 17 Februari seperti yang dijadualkan.

Selain itu, Menteri Kanan itu turut mengumumkan pelaksanaan PKPD di Kampung Sungai Maong di daerah Kuala Sarawak bermula 17 Februari hingga 2 Mac. *Bernama*

Saringan Covid-19 masih ikut tanda aras kata Dr Noor Hisham

PUTRAJAYA - Jumlah saringan Covid-19 di seluruh negara masih berdasarkan tanda aras yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tanda aras bagi setiap setiap kes positif adalah sekurang-kurangnya 10 hingga 30 kes yang negatif.

"Jadi kalau kita laporkan 2176 kes positif Covid-19 semalam (Isnin) sepatutnya tanda aras kita 21760 kes tetapi semalam negara berjaya jalankan 41,895 ujian," katanya dalam sidang akhbar persembangan terkini Covid-19 di sini pada Selasa.

Menurutnya, kekurangan ujian saringan berkemungkinan disebabkan beberapa faktor antaranya gili perayaan Tahun Baharu Cina selain sumber manusia yang terhad.

Jumlah individu yang hadir membuat ujian saringan juga adalah menurun tambahan pula mereka juga berkecimpungan hanya melaporkan kes positif namun tidak memasukkan kes negatif ke da-

lam sistem," kata Dr Noor Hisham.

Beliau berkata, keadaan ini menyebabkan seolah-olah jumlah saringan menggunakan RT-PCR berkurangan.

"Kalau kita lihat ujian menggunakan RTK Antigen masih meningkat iaitu hampir 25,000 kes yang dijalankan.

Purata ujian RT-PCR dan RTK Antigen adalah hampir mencecah 4,000 pada Isnin," katanya.

Dr Noor Hisham mengulas dakwaan jumlah kes harian Covid-19 yang semakin menurun kerana pengurangan jumlah saringan dilakukan.

Beliau turut menasihati orang ramai agar mendapatkan pandangan dan sumber sahih berkenaan vaksin Covid-19.

Akhir-akhir ini ramai yang memberikan pandangan mengenai vaksin melalui pelbagai saluran media termasuk media sosial.

Setiap individu ada pandangan masing-masing tetapi apa yang lebih penting ialah untuk mendapatkan pandangan daripada pakar," katanya.

Halangan rentas negeri daerah kekal

KUALA LUMPUR - Halangan peredaran rentas negeri dan daerah kekal di negeri-negeri di bawah perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan beberapa negeri bermula lima ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri berkata, walaupun saban hari negeri-negeri di bawah PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) namun peredaran barang dibenarkan dalam daerah dan tidak boleh merentas antara daerah antar ke negeri lain.

Beliau berkata berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan (KKM) pergerakannya negeri menyumbang kepada peningkatan kes selepas Kalangan diberlakukan akhir tahun lepas sebagai langkah kawalan.

Ismail Sabri turut mengumumkan kerajaan akan membenarkan kapal feri Anjungan 10 kilometer radius di seluruh negeri berkuat kuasa serentak.

Katanya tidak relevan meninjau kawalan pergerakannya kerana banyak aktiviti di komuniti sosial dibenarkan untuk beroperasi. *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUJANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

5,718 kes sembuh tertinggi dicatat

Kes baharu positif Covid-19 bawah angka 3,000 iaitu 2,720 kes

lahi berkata, kes baharu sekali lagi mencatatkan angka di bawah 3,000 iaitu 2,720 kes dilaporkan dengan kesemuanya melibatkan kes tempatan.

Belliau berkata, Selangor terus melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,300 kes (47.8 peratus), diikuti Johor sebanyak 451 kes (16.6 peratus) dan Kuala Lumpur 318 kes (11.7 peratus).

Jumlah keseluruhan kes baharu kini 269,165, manakala bagi kes sembuh pula 224,053. Selain itu, lapan kes kematian dilaporkan menjadikan kes kumulatif kematian sejak inf-983.

Kes yang memedukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU)

kini 253 kes, dengan 118 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan, katanya dalam sidang media perkembangan Covid-19 pada Selasa.

Dr Noor Hisham berkata, lapan kes kes kematian yang dilaporkan melibatkan tiga kes di Kuala Lumpur, dua kes di Selangor serta masing-masing satu kes di Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan dengan lingkungan umur mangsa daripada 47 hingga 86 tahun.

Sebanyak 57 kes (21 peratus) yang dilaporkan melibatkan Kluster di penjar, lokap dan de-



DR NOOR HISHAM

potaharian imigrasi yang membabitkan Kluster Tambok Bendera dengan 35 kes, Kluster Tsimok Bukit Besi (14), Kluster Penjaja Jalan Harapan (1), Kluster Penjaja Seberang Perai (3) dan Kluster Tambok Taiping (1).

Belliau memaklumkan, sejumlah 19 kluster baharu dikenal pasti dengan 14 daripadanya berkaitan tempat kerja, empat komuniti dan satu melibatkan kumpulan bersikot tinggi menjadikan jumlah kluster aktif kini 499.


kluster mencatatkan pertambahan kes dengan kluster yang merekodkan kes baharu tertinggi pada Selasa melibatkan Kluster Tapak Bina Datin iaitu 201 kes, Kluster Tapak Bina Jalan Segambut (173 kes) dan Kluster Industri Cyber (161 kes).

Seluruh 516 kluster dilaporkan tamati termasuk sembilan kluster yang tamat pada Selasa iaitu Kluster Jalan Thambiy Kluster Tapak Bina Heva, Kluster Jalan Padu, Kluster Pasar Jalan Selitosa, Kluster Wawasan Gading, Kluster Jalan Bukit Kluster Tampoi Jaya, Kluster Rantau Cempaka dan Kluster Keranji Tabuan, katanya.

Malaysia, mencatatkan kes sembuh tertinggi apabila 5,718 kes dilaporkan, menyaksikan jumlah kes aktif Covid-19 dengan kebodohlejangkatan menurun kepada 44,129 kes setakat ini.

Ketua Bengalis Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI			
JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:
269,165	224,053	253	983

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 266,445 kes kepada 269,165 kes



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : DALAM NEGERI

Dilarang bergerak secara bebas termasuk tempat awam, restoran

PM: Tolak vaksin pergerakan dihadkan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Individu menolak vaksin yang akan diberi secara berperingkat, mulai 26 Februari ini kemungkinan akan dihadkan pergerakan mereka, di luar rumah oleh pihak berkuasa. Ini termasuk tidak membe-

narkan mereka memasuki premis perniagaan dan restoran dalam usaha memastikan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berjaya.

Selepas ini kemungkinan hanya mereka yang telah mengambil suntikan vaksin Covid-19 sahaja dibenarkan memasuki premis perniagaan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, program imunisasi Covid-19 itu penting bagi memastikan pemulihan segera dari pandemik itu menerusi pemberian vaksin pertama sebegini dikehendaki kerajaan.

Katanya, ini supaya pelaksanaan imunisasi itu berjalan lancar, sekali gus memastikan

semua rakyat termasuk bukan warganegara mendapat vaksin.

"Jika mana-mana individu tidak divaksin, mereka berkemungkinan dilarang untuk bergerak ke mana-mana, dan ini tidak akan memberikan manfaat kepada seseorang."

Bersambung di muka 3



Ditumbuhi belukar

DERETAN bangunan rumah kedai di Bukit Sentosa 3, Rawang yang terblat tanpa penghuni dipenuhi belukar dan semak-samun. Utusan Malaysia mendedahkan sebanyak 180 projek perumahan membabitkan 36,528 unit rumah, rumah kedai dan kilang di Selangor terbengkalai dan bermasalah, malah ada antaranya dipercayai menjangkau 10 tahun. — UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Elak risiko kesan sampingan individu tidak sesuai terima vaksin

Saring sejarah kesihatan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Saringan sejarah kesihatan akan dibuat terlebih dahulu sebelum melayakkan seseorang individu menerima suntikan vaksin Covid-19.


Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah itu perlu bagi memastikan individu yang tidak sesuai tidak diberikan suntikan vaksin untuk mengelak risiko kesan sampingan.

"Selepas seorang itu diberikan suntikan vaksin, kita akan membuat pemantauan terutamanya selepas sahaja disuntik untuk tempoh 15 hingga 30 minit di pusat pemberian vaksin sebelum dibenarkan pulang.

"Ini bagi memastikan tiada reaksi alahan yang agak serius sejurus menerima suntikan. Jika tiada, maka mereka dibenarkan pulang," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Muhyiddin berkata, seperti vaksin lain, vaksin Covid-19 juga mempunyai kesan sampingan yang agak ringan kepada pesakit seperti bengkak di tempat suntikan dan sebagainya yang akan pulih dengan sendiri.

Katanya, kerajaan sentiasa memantau perkembangan di



MUHYIDDIN Yassin melancarkan buku panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Putrajaya, semalam. Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin. - GAMBAR IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

negara-negara yang lebih awal menjalarkan vaksinasi dan kesan sampingan daripadanya.

"Seperti di Indonesia, saya berjumpa Presidennya, Joko Widodo yang sudah menerima vaksin dan beliau nampak sihat," katanya.

Muhyiddin berkata, bekalan vaksin Pfizer-BioNTech akan sampai di Malaysia pada Ahad ini, membolehkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dilaksanakan mulai 26 Februari ini.

Katanya, beliau sendiri akan menerima suntikan vaksin pada hari tersebut bersama-

sama petugas barisan hadapan. "Program imunisasi menyeluruh ini adalah untuk memastikan komuniti kelompok dapat dibentuk dalam komuniti agar dapat memutuskan rantai penularan jangkitan Covid-19 dan akhirnya dapat menamatkan pandemik," katanya.

Katanya, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mengandungi tiga fasa iaitu fasa pertama akan melibatkan petugas barisan hadapan, bermula 26 Februari sehingga April ini.

Menurutnya, fasa kedua bermula April sehingga Ogos ini

melibatkan kumpulan berisiko tinggi, manakala fasa ketiga melibatkan golongan berumur 18 tahun ke atas, bermula Mei 2021 sehingga Februari 2022.

"Apabila semua orang dilindungi dan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan ini berjaya dilaksanakan, impak positif akan mula kita rasai."

"Pelbagai sektor ekonomi akan dibuka semula, seperti pelancongan. Kita boleh saling menziarahi, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengamalkan norma baharu," katanya.

PM: Tolak vaksin pergerakan dihadkan

Dari muka 1

"Berkemungkinan juga pengusaha perniagaan dan restoran akan meletakkan peraturan sebagai satu bentuk keprihatinan bahawa hanya mereka yang divaksin sahaja dibenarkan masuk atau dibenarkan menjalankan perniagaan dengan pihak-pihak tertentu," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dan laman web www.VaksinCovid.gov.my di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Menurut Muhyiddin, banyak program kesedaran berhubung keperluan vaksin telah disebarkan kepada kebanyakan kumpulan masyarakat dan penduduk agar mereka sedar kesan vaksinasi dalam jangka masa panjang.

"Saya tidak mahu cakap tentang itu tetapi mungkin pada masa depan, dari sudut pelancongan jika sesebuah negara pada satu peringkat menuntut setiap orang divaksin, mereka meletakkan satu bentuk pasport dan perlu membuktikan seseorang itu divaksin jika mahu ke luar negara," ujarnya.

Menurut Muhyiddin, pelak-

sanaan vaksin Covid-19 akan memberi manfaat jangka panjang kepada negara dalam usaha mengembalikan semula kegiatan ekonomi yang memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat.

Beliau menjelaskan, walaupun terdapat 34 peratus dalam kalangan responden kajian tidak pasti sama ada mahu menerima atau menolak vaksin, namun peratusan penerimaan adalah lebih tinggi.

"Bagaimanapun, kita telah membuat keputusan suntikan vaksin ini tidak wajib, ia adalah sukarela. Saya fikir kebanyakan

negara juga membuat keputusan sama. Namun, peranan media juga penting untuk menyebarkan maklumat vaksin ini adalah selamat sebagaimana kita sudah lihat di kebanyakan negara.

"Dengan strategi media dan penyebaran luas bahan kempen mengenai vaksin Covid-19, saya percaya peratusan penerimaan vaksin tidak akan lebih rendah dan rakyat sedar tentang kepentingan vaksin," katanya.

Beliau berkata, pada satu peringkat, rakyat akan memahami keperluan vaksin ketika kebanyakan negara lain melaksanakan vaksinasi Covid-19.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Bagi vaksin satu dos, proses vaksinasi tamat di langkah 9 : *tertakluk kepada jenis vaksin

